NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 18 / 10/ 2009

# Tak perlu bina jambatan ke Langkawi: Dr Mahathir

BH - 18/10/2009

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak perlu membina jambatan untuk menghubungkan Pulau Langkawi dengan tanah besar kerana ia akan menyebabkan kesesakan kenderaan di pulau itu.

Katanya, jika terlalu banyak kenderaan masuk ke Langkawi akan menimbul kesesakan lalu lintas dan menjejaskan usaha menjadikan pulau itu sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

"Tak perlu ada jambatan ke Langkawi kerana ia akan menyebabkan kesesakan," katanya yang mengulas permintaan Ketua Umno Bahagian Langkawi, Datuk Nawawi Ahmad yang menggesa agar kerajaan membina jambatan antara Pulau Langkawi dengan tanah besar melalui Kuala Perlis, di sini, semalam.